



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20/3/2013

'Kad laporan' baik gambaran pilihan raya

UM-2013/2013

KUALA LUMPUR 19 Mac - Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan laporan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) menerusi Program Transformasi Negara 2012 sebagai kad laporan terbaik bagi kerajaan Barisan Nasional (BN) berdepan pilihan raya umum akan datang.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, ini kerana memandangkan laporan tersebut merupakan pencapaian besar untuk rakyat mendapat pel-

bagai faedah hasil inisiatif kerajaan sedia ada.

Menurutnya, walaupun tarikh pembubaran Parlimen masih menjadi tanda tanya, kerajaan BN sudah bersedia berdepan cabaran politik mendatang.

"Terserah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan tarikh pilihan raya. Dengan pencapaian-pencapaian besar yang dikecapi dalam GTP dan ETP, tentu ini menjadi 'good factor' (faktor terbaik).

"Saya sendiri sudah bersedia dan akan terus bekerja turun ke bawah menjelaskan kepada rakyat bagi menerangkan agenda transformasi negara," katanya ketika ditemui selepas pembentangan laporan tahunan Program Transformasi Negara oleh Najib di Angkasapuri, di sini malam ini.

Laporan itu antara lain menyebut Malaysia negara contoh yang amat progresif dengan hasil kejayaan negara boleh disaksikan menerusi peningkatan Pendapatan Negara Kasar

(PNK) perkapita iaitu AS\$257 (RM802) pada 1957 kepada AS\$9,970 (RM31,131) tahun lalu.

Peningkatan itu merupakan hampir 4,000 peratus dalam tempoh lebih lima dekad.

Muhyiddin berkata, kerajaan berharap rakyat dapat menerima perkembangan semasa agenda transformasi negara dengan hati terbuka kerana perkara itu bukan tawaran kosong sebaliknya berasaskan realiti.

Kepada soalan mengenai Wawa-

san 2020, ujarnya, panel antarabangsa jelas menyatakan Malaysia mampu mencapai kemajuan lebih awal dari tahun berkenaan.

Walau bagaimanapun, tegasnya, perkara itu bergantung kepada pra syarat utama iaitu negara terus kondusif, aman dan selamat.

Untuk itu, katanya, rakyat perlu memberi sokongan padu kepada kerajaan sedia ada bagi memastikan lonjakan pembangunan negara diteruskan dengan cemerlang.